

Nama: _____

Kelas: _____

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai. Salin karangan dalam Modul ms 17.

Kepentingan Mengekalkan Bangunan Bersejarah

Isu perobohan 1) _____ bersejarah adalah antara isu hangat yang sering dibincangkan. Terdapat pelbagai kepentingan untuk 2) _____ bangunan-bangunan bersejarah di negara kita.

Bangunan bersejarah penting untuk dikekalkan di negara kita kerana dapat dijadikan sebagai 3) _____ yang kukuh kepada sesuatu era atau peristiwa sejarah yang telah berlaku. Walaupun Malaysia telah mencapai 4) _____ selama 64 tahun, kesan yang ditinggalkan oleh penjajah seperti British, Belanda dan 5) _____ masih dapat dilihat dan perlu dijaga contohnya seperti 6) _____, Bangunan Stadhuys dan banyak lagi. Bangunan-bangunan ini dibina dengan tujuan kediaman, pentadbiran, pertahanan, pengangkutan dan perniagaan.

bangunan kemerdekaan	Kota A Famosa bukti	mengekalkan Portugis
----------------------	---------------------	----------------------

Selain itu, kepentingan mengekalkan bangunan bersejarah kerana menjadi sumber 7) _____ dan pendidikan. Pelbagai ilmu yang dapat dipelajari dengan memahami dan mengkaji bangunan dan monumen lama. Misalnya, sebuah tapak 8) _____ ditemui berdekatan Lembah Bujang yang menunjukkan bukti 9) _____ awal di negara kita bertahun lama dahulu. Proses arkeologi dan penyelidikan dapat dijalankan dengan 10) _____ artifak-artifak lama yang bernilai dalam sejarah negara kita

Di samping itu, bangunan bersejarah memberi banyak 11) _____ dari sudut pelancongan. Hal ini demikian kerana 12) _____ dapat melawat bangunan bersejarah dan menyaksikan monumen-monumen yang terdapat di lokasi yang dikunjungi di samping menyaksikan 13) _____ alam semula jadi dan artifak-artifak di dalam 14) _____ dan galeri senilukis.

ketamadunan keindahan	penyelidikan pelancong	arkeologi muzium	manfaat penemuan
-----------------------	------------------------	------------------	------------------

Akhir sekali, pemuliharaan bangunan bersejarah juga penting sebagai salah satu cara untuk memupuk semangat 15) _____ dalam kalangan generasi muda khususnya 16) _____ yang semangatnya semakin menipis. Dalam konteks ini, bangunan bersejarah perlu 17) _____ untuk menjadi tatapan dan penghayatan generasi muda. Sebagai contoh, Kota A'Famosa di Melaka iaitu kubu kuat tentera Portugis yang dibina setelah menawan 18) _____ dapat dijadikan pengajaran.

Kesimpulannya, bangunan bersejarah amat penting untuk dijaga dalam membentuk minda generasi muda di negara ini sekali gus menjadikan generasi baharu yang lebih menghargai dan sensitif terhadap pembangunan sejarah negara ini. Kerajaan perlu 19) _____ bangunan bersejarah sebagai bangunan yang perlu dipelihara. Jadi sekiranya terdapat sebarang pihak yang ingin merobohkan atau memusnahkan bangunan bersejarah mereka akan dikenakan 20) _____ undang-undang.

patriotisme mewartakan	tindakan dikekalkan	remaja Melaka
------------------------	---------------------	---------------

Padankan bangunan bersejarah ini dengan negeri yang betul.

Bangunan/Tempat		Negeri
 Lembah Bujang		Melaka
 Kota A Famosa		Pulau Pinang
 Kompleks Sejarah Pasir Salak		Batu Gajah,Perak
Dataran Merdeka 		Kedah
Kellie's Castle 		Kuala Lumpur



Muzium Perang(War Museum)

Perak